

Etnosentrisme Suku Dayak dalam Perang Monterado: Suatu Analisis Berdasarkan Naskah Syair Perang Cina di Monterado

Ethnocentrism of Dayak Tribe in Monterado War: An Analysis of Syair Perang Cina di Monterado

STEVEN ALEZENDER* & JACQUELINA KARIMON

ABSTRAK

Kajian ini ingin meneliti etnosentrisme suku Dayak sewaktu terlibat dalam peperangan Monterado di Kalimantan Barat. Terdahulu daripada itu, suku Dayak dalam konteks masa dahulu sering kali dibayangkan sebagai suku yang mundur dan terkebelakang berbanding dengan suku lain yang hidup mengitari mereka. Tanggapan tersebut sedikit sebanyak dipengaruhi oleh budaya hidup masyarakat Dayak sendiri yang cenderung mendiami kawasan pedalaman sehingga menyukarkan berlakunya interaksi sosial di antara suku Dayak dengan suku lain di Pulau Kalimantan. Pendirian suku Dayak yang “memencilkan” diri tersebut sedikit sebanyak telah merencatkan proses perubahan kehidupan suku Dayak sehingga melahirkan pandangan sumbang terhadap mereka. Namun begitu, kewujudan naskah historiografi Melayu berjudul Syair Perang Cina di Monterado yang dikarang di Kalimantan Barat telah membawa sebuah prespektif yang baru terhadap suku Dayak. Naskah historiografi Melayu tersebut tidak hanya memenuhi tanggungjawab hakikinya untuk merakamkan peristiwa peperangan di Monterado semata-mata malah turut memberikan ruang untuk mengujarkan peranan suku Dayak sewaktu terlibat dalam perang tersebut. Justeru, kajian berbentuk kualitatif ini akan menganalisis etnosentrisme suku Dayak dalam naskah syair tersebut menggunakan model etnosentrisme dengan mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa naskah syair ini telah memanasifestasikan etnosentrisme suku Dayak dalam peperangan Monterado lewat semangat juang, keberanian, kepercayaan dan kepahlawanan suku Dayak sewaktu bersekutu dengan Belanda dan institusi kerajaan tempatan dalam perang Moterado.

Kata kunci: Suku Dayak; Kalimantan Barat; Syair Perang Cina di Monterado etnosentrisme; Perang Monterado

ABSTRACT

This research seeks to analyse the ethnocentrism of the Dayak tribe in the Monterado War in West Kalimantan. Formerly, the Dayak tribe in the context of the past is synonym as a primitive and backward society compared to other tribes living around them. The perception was influenced by the culture of the Dayak people who prefer to live in rural areas which caused the lack of social interaction between the Dayak tribe and another tribe in Kalimantan. However, the Malay historiographical manuscripts entitled Syair Perang Cina di Monterado written in West Kalimantan has brought a new perspective to the Dayak tribe. The Malay manuscript was not only successful in fulfilling its primary responsibilities to describe the war in Monterado but manage to report the role of Dayak in the war. Therefore, this qualitative study will analyze the ethnocentrism of the Dayak tribe in the syair using the ethnocentrism model by applying the method of literature study and content analysis. The results of this study found that this manuscript has manifested the ethnocentrism of the Dayak tribe in the Monterado War through the fighting spirit, courage, and faith of the Dayak people when they allied with the Dutch and local government in the Monterado war.

Keywords: Dayak tribe; West Kalimantan; Syair Perang Cina di Monterado; ethnocentrism; Monterado War

PENGENALAN

Suku Dayak sering ditanggapi sebagai suku primitif. Pada masa lampau, suku ini dikenali sebagai

suku yang menganuti kepercayaan animisme, mendiami kawasan pedalaman dan melazimi budaya memenggal kepala. Oleh itu, maka tidak hairanlah buku sejarah Eropah sebelum tahun 1800

Masihi turut tidak ketinggalan dari merakamkan penempatan mereka iaitu Pulau Kalimantan sebagai sebuah tempat utama yang penuh dengan kekejaman, keganasan dan kematian yang mengejut (Graham Irwin 1986: 2). Demikianlah sejumlah gambaran yang acap kali disuguhkan sewaktu nama suku Dayak disebutkan sesuai dengan konotasi kata “Dayak” itu sendiri. Gambaran seumpama ini menurut Hanapi Dollah (1998) merupakan sebahagian daripada naratif kolonial yang bertujuan ingin menjadikan suku Dayak terlihat eksotik sifatnya berbanding suku dan bangsa yang lain. Realitinya, suku Dayak tidak hanya terlihat eksotik dari sifatnya semata-mata malah budaya hidupnya juga turut berbeza dari suku dan bangsa lain yang hidup mengitari mereka. Kecenderungan suku Dayak mendiami ceruk pedalaman umpamanya jelas memberikan gambaran tentang pendirian suku Dayak yang seakan-akan ingin menutup rapat pintu sukunya dari berinteraksi dengan suku dan bangsa lain di Pulau Kalimantan. Buktinya, Mikhail Coomans (1987: 3) dan Tjilik Riwut (1979: 231) menyatakan bahawa pada peringkat awal iaitu sebelum kedatangan orang Melayu dari Sumatera dan Tanah Melayu, suku Dayak sebenarnya hidup dengan membuat penempatan di kawasan pesisir Pulau Kalimantan. Namun, kehadiran orang Melayu di Pulau Kalimantan membuatkan suku Dayak mulai menyingkir sehingga lama ke lama semakin jauh ke ceruk pedalaman. Rentetan itu, tidak hairanlah “pemencilan” yang dilakukan oleh suku Dayak ini telah menyebabkan mereka sering ditanggapi sebagai suku yang terkebelakang dan mundur.

Namun begitu, stigma negatif terhadap suku Dayak tersebut boleh dikatakan terpecah dengan sendirinya sewaktu meletusnya peperangan Monterado di Pulau Kalimantan khususnya di Kalimantan Barat seperti yang dirakamkan di dalam naskah historiografi *Syair Perang Cina di Monterado*. Kewujudan naskah ini tidak hanya memenuhi tanggungjawabnya untuk mengujarkan tentang peristiwa peperangan Monterado semata-mata sebaliknya turut menggoyahkan tanggapan serong terhadap suku Dayak sebelum ini yang dianggap mundur dan ketinggalan. Ini kerana naskah historiografi Melayu ini sedikit pun tidak menyudutkan apatah lagi memencilkan peranan yang dimainkan oleh suku Dayak dalam konflik bersenjata di Kalimantan Barat tersebut. Sebaliknya, suku Dayak diberikan penghargaan selayaknya oleh pengarang dengan mempamerkan

etnosentrisme mereka sewaktu terlibat dalam peperangan Monterado untuk membebaskan maruah dan tanah air dari terus berada di bawah kekuasaan migran Cina. Tanggungjawab besar tersebut tidak hanya dibebankan oleh suku Dayak kepada masyarakat Melayu semata-mata sebaliknya digembleng bersama untuk mengembalikan hak peribumi Kalimantan Barat. Etnosentrisme suku Dayak yang terserlah lewat naskah syair ini jelas memanifestasikan suku ini tidaklah semundur seperti yang sering diperkatakan sebelumnya. Keadaan tersebut demikian kerana jauh disebalik kekurangan suku ini sebenarnya masih wujud kesedaran dalam diri mereka untuk mempertahankan hak dan tanah air yang dimiliki selama ini.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Naskah historiografi Melayu *Syair Perang Cina di Monterado* sebenarnya masih lagi kurang mendapat tempat dalam perbincangan para sarjana yang menekuni genre sastera sejarah. Namun demikian masih terdapat kajian yang dijalankan dengan memanfaatkan naskah ini khusus untuk meneliti mengenai suku Dayak. Berhubung dengan perihal tersebut, Steven Alezender dan Jacqueline Karimon (2023) misalnya telah menggunakan naskah ini untuk menekuni imej orang Dayak dari sudut pandang pengarang Melayu yang menghasilkan naskah ini. Dapatan kajian tersebut menemukan imej suku Dayak yang terkandung dalam naskah tersebut terdiri dari masyarakat berani, masyarakat mengayau, masyarakat yang boleh dipercayai dan masyarakat yang bertani. Sementara itu, terdapat juga kajian yang meneliti tentang suku Dayak dari pelbagai sudut pandang tanpa menggunakan naskah ini sebagai bahan utama kajian. Muhammad Lutfan Hanifi (2016) umpamanya meneliti mengenai ritual perang dalam kebudayaan suku Dayak. Kajian tersebut menemukan bahawa suku Dayak memiliki ritual tersendiri sebelum, semasa dan sesudah perang. Ritual sebelum perang dimulakan dengan penyebaran tanda isyarat berbentuk mangkuk merah dari kampung ke kampung dan memanggil roh leluhur. Semasa peperangan suku Dayak akan mengadakan ritual memanggil burung antang untuk mengetahui lokasi musuh dan memenggal kepala. Selepas peperangan, suku Dayak akan menjalankan ritual pemakaman ahli masyarakat yang terkorban

dalam peperangan. Sementara itu, budaya tato pada suku Dayak, menurut kajian yang dijalankan oleh Elok Feni Sia dan Taufik Akbar Rizqi Yunanto (2019) merupakan suatu identiti yang suci lagi sakral serta menjadi penerang jalan menuju keabadian bagi orang Dayak setelah mereka meninggal dunia Atas sebab itu, tato tidak boleh dibuat dengan semberono kerana setiap motif tato memiliki makna dan ertinya yang tersendiri. Lanjutan itu, kearifan lokal *handep* (bergotong-royong) suku Dayak menjadi tujahan perbincangan dalam kajian yang dijalankan oleh Muhammad Husni (2020). Menerusi kajian tersebut, budaya *handep* ditemukan sebagai nilai kearifan lokal suku Dayak yang diterjemahkan menerusi kerjasama dalam bentuk pekerjaan seperti membuka hutan untuk kawasan pertanian, menanam benih padi, upacara perkahwinan dan banyak lagi.

Ho Hui Ling (2022) pula meneliti kepentingan dan penglibatan orang Dayak dalam gerakan komunis dan strategi komunis dalam menarik penyertaan mereka khususnya di Sarawak. Kajian ini mendapati bahawa hanya sekitar 10% sahaja orang Dayak yang menyertai gerakan komunis disebabkan mereka tidak memahami ideologi dan perjuangan komunis lantaran tahap pendidikan yang rendah. Orang Dayak juga melihat gerakan komunis sebagai gerakan orang Cina. Keadaan ini menyebabkan gerakan komunis di Sarawak sukar mendapat sambutan dalam kalangan orang Dayak. Ladang dianggap oleh Julio Purba Kencana, Rapael, Adelbertus Beato Yulandi dan Dionisius Barai (2023) sebagai nyawa kepada manusia Dayak dalam kajian yang dijalankan. Ini kerana berladang merupakan salah satu mata pencarian dan sumber kehidupan bagi orang Dayak. Semenjak diamalkan secara bergenerasi, berladang telah menjadi identiti dan tradisi kepada orang Dayak. Berdasarkan sorotan kajian yang dihimpunkan tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa penelitian terhadap suku Dayak telah dilakukan dari pelbagai sudut pandang. Berhubung dengan itu, kajian yang khusus menggunakan naskhah *Syair Perang Cina di Monterado* telah membincangkan imej suku Dayak berdasarkan lensa pengarang naskhah tersebut manakala kajian umum tentang orang Dayak pula meliputi ritual perang, budaya tato, budaya *handep*, penglibatan dalam gerakan komunis dan kepentingan ladang kepada orang Dayak. Justeru itu, kajian etnosentrisme suku Dayak yang digemakan dalam naskhah *Syair Perang Cina di Monterado* masih lagi belum dilakukan dan ia akan menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan menganalisis etnosentrisme suku Dayak sewaktu meletusnya peperangan Monterado di Kalimantan Barat dalam naskhah historiografi Melayu *Syair Perang Cina di Monterado*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan tafsiran untuk melihat fenomena manusia di dalam teks. Justeru itu, kajian ini akan mengembleng dua kaedah kajian iaitu penyelidikan kepustakaan dan analisis kandungan memandangkan kajian ini adalah kajian teks dengan menjadikan naskhah historiografi *Syair Perang Cina di Monterado* sebagai data penyelidikan. Kaedah penyelidikan kepustakaan tersebut digunakan untuk mencari dan mencatat semua maklumat yang diperlukan menerusi bacaan rapi bagi memenuhi maksud kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperlukan diambil daripada bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah, latihan ilmiah, jurnal, tesis, artikel, kertas seminar, kertas persidangan dan sebagainya. Kesemua bahan rujukan tersebut diperolehi dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sementara itu, kaedah analisis kandungan diaplikasikan dengan menganalisis naskhah historiografi Melayu *Syair Perang Cina di Monterado* untuk mengetahui secara mendalam sesuatu aspek atau kejadian dalam karya yang dikaji khususnya etnosentrisme suku Dayak.

Di samping itu, model etnosentrisme William Graham Sumner (1911) turut dimanfaatkan dalam kajian ini. Menurut William Graham Sumner (1911: 13), etnosentrisme merujuk kepada sentimen terhadap kesepaduan, *cohesion*, hubungan kesetiakawanan, dan kesetiaan dalam kumpulan yang kesemuanya mencetuskan perasaan unggul yang melebihi kelompok yang lain di samping kesediaan untuk mempertahankan kepentingan kelompok dari ancaman luar. Berdasarkan takrifan tersebut,

Zubir Idris (2013: 86) merumuskan bahawa istilah etnosentrisme mengajukan pandangan unggul yang berpusat kepada identiti sendiri berbanding identiti lain yang berada di luar lingkungan sesuatu masyarakatnya lantas menjelaskan bagaimana dan mengapa lahirnya sentimen rasa keterikatan yang kukuh, hubungan kesetiakawanan dan kesetiaan dalam suatu kumpulan, demi mempertahankan tradisi dan kepentingan kelompoknya itu. Sentimen bangga terhadap suku kaum inilah yang seterusnya memberi semacam “satu kekuatan” kepada setiap etnik untuk mempertahankan hak-hak mereka khususnya daripada dicerobohi ancaman luar (kuasa asing). Berdasarkan rumusan yang dikemukakan itu, ia akan digunakan untuk menyelongkar manifestasi etnosentrisme yang terserlah dalam naskah Syair Perang Cina di Monterado khususnya dalam kalangan suku Dayak dalam mempertahankan hak dan tanah air mereka.

SUKU DAYAK DAN MIGRAN CINA DI KALIMANTAN

Kalimantan pada realitinya bukanlah hanya sekadar bentangan sebidang tanah purba yang terasing dan tertutup seperti yang didakwa. Berabad-abad yang lampau, ia sudah pun menerima dan berasmilasi dengan budaya yang merupakan pengaruh dari wilayah luar Kalimantan. Budaya merujuk kepada amalan harian atau kebiasaan sesebuah masyarakat yang meliputi keseluruhan aspek hidup (Shahidi A.H., Rahim Aman, Rozmi Ismail & Muhamad Syahmi Shabri 2022: 212). Peresapan budaya tersebut berlaku kerana pada tiga atau empat ratus tahun sebelum bermulanya zaman penjajahan, pulau ini telah menerima kedatangan yang tidak putus-putus dari penduduk seluruh kepulauan Nusantara yang lain. Kedatangan orang Melayu dari Barat, orang Jawa dari Selatan, orang Bugis dan Sulu dari Timur dan Timur Laut ke Kalimantan atas tujuan perdagangan secara tidak langsung mulai mengwujudkan beberapa pusat penempatan mereka di pulau ini dalam jangka masa yang singkat (Graham Irwin 1986: 4). Rentetan daripada itu, ahli etnologi moden menurut Graham Irwin (1986: 2) telah membahagikan penduduk yang menetap di Kalimantan kepada lebih dari empat puluh golongan yang antara lainnya terdiri dari Melayu, Bugis, Jawa, Sulu, Dayak, Sunda, Madura, Ambon, Batak, Bali, Padang, Cina dan banyak lagi.

Di antara kesemua golongan yang mendiami Kalimantan tersebut, suku Dayaklah yang paling

banyak sekali tersebar di atas hamparan tanah Kalimantan yang luas. Sebaran suku Dayak tersebut tidak keterlaluan sekiranya dikatakan meliputi dari hujung timur sehingga ke hujung barat dan dari hujung utara sehingga ke hujung selatan Kalimantan (Sujarni Alloy, Albertus & Chatarina Pancer Istiyani 2008: 11). Setiap suku Dayak yang mendiami Pulau Kalimantan boleh dibahagikan berdasarkan kepada suku-suku yang sedatuk manakala yang sedatuk pula boleh dibahagikan lagi kepada suku-suku kekeluargaan (Tjilik Riwut 1993: 233). Suku Dayak hidup dengan berpegang teguh kepada kepercayaan animisme dan menjalankan pelbagai ritual keagamaan. Ritual menurut Shaidi A.H. et al. (2022: 212) merupakan salah satu dari aspek yang membantu menandakan peristiwa dalam kalender atau peringkat kehidupan ahli masyarakat.

Dalam pada itu, kelangsungan hidup suku Dayak ini kebiasaannya diteruskan dengan memanfaatkan hasil-hasil hutan yang berhampiran dengan penempatan mereka untuk dijadikan sebagai sumber makanan. Tidak kurang juga ada di antara mereka yang menjalankan kegiatan memburu haiwan hutan dengan menggunakan sumpitan dan anak panah yang beracun di samping kegiatan lain seperti memancing ikan. Seiring dengan peredaran masa, orang Dayak mula belajar menjalankan aktiviti pertanian secara kasar yang bersifat sara diri seperti menanam padi (Grahim Irwin 1989: 3; Burn 1989: 107). Padi yang sudah masak akan dituai dengan menggunakan ketam. Kaedah mengetam menurut Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah (2022: 122-123) kebiasaannya menggunakan peralatan yang dihasilkan dari kayu dan mempunyai mata di atasnya untuk memotong tangkai padi. Hasil tuaian padi akan disimpan sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk ditukarkan dengan barangan lain. Situasi ini menyamai dengan keadaan yang berlaku di Terengganu pada awal abad ke-20 di mana penduduknya menukarkan beras dengan keperluan makanan lain (Norazilawati Abd Wahab et al. 2022: 125)

Bagi suku Dayak yang mendiami Kalimantan Barat pula, mata pencarian mereka turut dijana menerusi kerja mendulang emas secara kecil-kecilan baik mendapatkan upah dari penguasa tempatan mahupun mengusahakan lombong emas milik mereka sendiri. Oleh kerana cara hidup suku Dayak bersifat sederhana dengan menjalankan aktiviti ekonomi sara diri yang berbentuk mudah, kegiatan melombong emas bagaimanapun tidak

dijadikan sebagai perkerjaan utama mereka untuk meneruskan kehidupan seharian. Di samping itu, suku Dayak ini juga menurut Burn (1811: 107) turut menganggap bahawa perkerjaan mendulang emas tersebut bersifat sederhana walaupun hakikat beban kerjanya tidaklah sebegitu.

Rentetan menyedari potensi perusahaan emas yang tidak diusahakan ekoran dari tenaga kerja yang tidak mahir dan teknologi perlombongan yang bersifat konvensional, Panembahan Mempawah menurut Jackson (1970: 20); Ida Bagus Putu Prajna Yogi (2016: 4); Hari Poerwanto (2005: 118) sekitar tahun 1740 Masihi tampil menjadi sosok perintis yang memeterai kontrak perjanjian untuk mengundang sejumlah 20 orang migran Cina yang majoritinya berketurunan Hakka dari Brunei untuk mengerjakan lombong emas miliknya yang berlokasi di Sungai Duri.

Menginginkan perkara yang sama, Sultan Sambas, Sultan Umar Akkamuddin II pula menurut Any Rahmayani (2015: 348); Ida Bagus Putu Prajna Yogi (2016: 5); Hari Poerwanto (2005: 118) sekitar tahun 1750 Masihi turut mengikut jejak langkah Panembahan Mempawah dengan mendatangkan migran Cina ke Sambas bagi mengusahakan lombong emas yang dimilikinya di Monterado. Tindakan yang dilakukan oleh Panembahan Mempawah dan Sultan Umar Akamuddin II yang menyamai tindakan Temenggung Ibrahim menerusi sistem kangcu di Johor itu ternyata berjaya memberi pulangan yang lumayan kepada kedua-dua penguasa terbabit.

Kewibawaan migran Cina dalam kerja perlombongan tidak hanya membawa keuntungan yang besar kepada Kalimantan Barat semata-mata tetapi ia turut memperluaskan lagi kawasan perlombongan emas di seluruh pelosok Mempawah dan Sambas seperti di Minawang, Sinman, Mandor dan Lara. Kemasukan migran Cina ke Kalimantan Barat turut bertambah pesat melewati tahun 1740 hingga 1745 Masihi (Any Rahmayani 2015: 348). Pertambahan jumlah migran Cina yang drastik dari tahun ke tahun akhirnya menyaksikan tertubuhnya kumpulan kongsi di Kalimantan Barat. Menurut Any Rahmayani (2015: 348), sekitar tahun 1770 hingga 1777 Masihi sekurang-kurangnya terdapat empat belas buah kumpulan kongsi yang terbentuk dalam kalangan migran Cina di sana. Sehingga tahun 1780 Masihi, dipercayai hanya terdapat tiga buah kumpulan kongsi emas terbesar yang wujud di Kalimantan Barat yakni Kongsi Sam-Tia-Kiou di Lara, Kongsi Thai Kwung di Monterado dan Kongsi

Lan Fong di Sambas (Any Rahmayani 2015: 348).

Sepuluh tahun terawal sejak ketibaan migran Cina di Kalimantan Barat merupakan suatu tempoh masa yang aman dan makmur yang dilalui oleh Kalimantan Barat umumnya dan juga kawasan-kawasan perlombongan khususnya (Any Rahmayani 2015: 350). Migran Cina hidup berbaik-baik di antara satu dengan yang lain, membayar cukai dengan teratur dan rajin bekerja untuk mengubah nasib hidup mereka (Arena Wati 1989: 41); Benny G. Setiono (2002: 189). Namun begitu, ketenteraman tersebut tidak mampu bertahan lama kerana migran Cina menurut Arena Wati (1989: 41) berubah menjadi serakah dan kejam lantaran tidak pernah merasa puas dalam mengumpulkan kekayaan di negeri orang yang akhirnya memicu konflik bersenjata di Kalimantan Barat.

NASKHAH SYAIR PERANG CINA DI MONTERADO

Penghasilan karya historiografi Melayu dalam bentuk syair boleh dikatakan didominasi oleh Tanah Melayu dan juga Sulawesi. Dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional sendiri menyaksikan terkarangnya sejumlah besar naskhah syair sejarah yang mewakili kedua-dua tempat ini terutamanya Tanah Melayu. Dari sekian banyak naskhah syair historiografi Melayu yang terhasil tersebut, terkarang sebuah naskhah yang mewakili tempat yang agak asing dari kebiasaan naskhah syair historiografi ini dihasilkan iaitu di Kalimantan Barat dengan judul *Syair Perang Cina di Monterado*. Naskhah asal syair ini dikarang dalam tulisan jawi, berukuran 20 x 17 sentimeter, MS Orient No. 144, setebal 132 halaman dan berada di dalam koleksi H.C. Klinkert, Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda.

Naskhah syair ini kemudiannya telah diusahakan kerja transliterasinya oleh Arena Wati. Hasil transliterasi yang diusahakan oleh beliau itu berikutnya diterbitkan oleh penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Sekiranya diteliti, naskhah yang terkarang di Kalimantan Barat ini tidak hanya tampil unik lantaran tempat yang diwakilinya, malah naratif syair ini sendiri juga sebenarnya cukup menarik kerana menjadikan persekutuan di antara Belanda, institusi kerajaan tempatan dan penduduk peribumi dalam memerangi migran Cina sebagai tujahan penceritaannya.

ETNOSENTRISME SUKU DAYAK MENENTANG MIGRAN CINA

Peperangan sering kali dikatakan menyangkut ketamadunan. Begitu suguhan E.H. Carr (1984) yang mendakwa bahawa setiap peperangan yang berlaku sebagai salah satu faktor terbesar dalam pembentukan sebuah kerangka tamadun manusia; yang berusaha sama ada secara disedari atau tidak disedari dalam menentu dan mencorakkan arus perkembangan sejarah manusia atau masyarakat berkenaan. Muhammad Yusoff Hashim (1993: 198) sewaktu memberikan pandangan terhadap perkara yang sama turut senada dengan beliau dan menyatakan bahawa peperangan menjadi salah satu ciri yang utama dalam ketamadunan manusia.

Kehadiran migran Cina menerusi “restu” penguasa tempatan yang akhirnya mengakibatkan keamanan di Kalimantan Barat mulai berantakan mengiyakan pandangan kedua-dua tokoh terbabit apabila penduduk peribumi Kalimantan Barat turut tidak ketinggalan dari terseret ke dalam sebuah episod peperangan seperti yang berlaku ke atas ketamadunan di dunia umumnya dan juga di selerakan Alam Melayu yang lain khususnya. Keamanan Kalimantan Barat yang kedudukannya sedikit terasing dari Alam Melayu yang lain mulai goyah apabila berlakunya beberapa siri pertempuran secara berasingan dalam menentang migran Cina baik oleh Belanda, institusi kerajaan tempatan mahupun juga penduduk peribumi sendiri. Pertempuran demi pertempuran yang berlaku akhirnya mencapai kemuncaknya dengan meletusnya Perang Monterado yang menyaksikan terbentuknya persekutuan di antara Belanda, institusi kerajaan tempatan dan penduduk peribumi untuk menentang migran Cina.

Dalam persekutuan tersebut, penduduk peribumi terutamanya suku Dayak telah mengerahkan seluruh usaha dan upaya mereka untuk memperkuatkan gabungan yang dibentuk Walaupun suku Dayak sebelum ini hidup dengan mengasingkan diri yang memungkinkan mereka tidak campur tangan dalam perkara lain, namun ketika peperangan Monterado meletus suku Dayak sama sekali tidak bersikap lepas tangan dengan hanya membiarkan dan membebaskan urusan peperangan Monterado tersebut kepada rakan sekutunya yang lain. Sikap suku Dayak yang sedemikian jelas mengubah persepsi sumbang terhadap mereka di samping turut menonjolkan etnosentrisme mereka yang dapat dilihat lewat semangat, usaha dan tenaga yang

ditumpahkan oleh suku Dayak dalam peperangan Monterado.

SEMANGAT JUANG

Etnosentrisme suku Dayak dalam mengharungi peperangan Monterado ini pada peringkat awalnya boleh digemakan lewat persiapan perang institusi kerajaan tempatan bersama dengan penduduk peribumi Kalimantan Barat. Selepas angkatan perang Belanda menemui Gusti Mukim, baginda kemudiannya mengarahkan adindanya iaitu Pangeran Suta untuk menghimpunkan penduduk kerajaan Mempawah bagi memerangi migran Cina. Perintah perang Gusti Mukmin yang dikhabarkan oleh Pangeran Suta itu mendapat dukungan yang begitu hebat sekali dari penduduk kerajaan Mempawah khususnya suku Dayak sendiri.

Perihal tersebut boleh dicermati rinciannya menerusi rangkap-rangkap syair yang berikut:

Melayu dan Dayak mendengar kata,
Sangatlah suka di dalam cinta,
Lalu diberi alat senjata,
Ubat peluru dibahagi rata. (r. 114)

Melayu dan Dayak semuanya datang,
Masing-masing dengan senjatanya seorang,
Beberapa terkul dengan senampang,
Tombak seperti bunga lalang. (r. 117)

Dayak datang kecil dan besar,
Tanah Karangan semuanya gempar,
Ada yang berantuk ada yang berkejar,
Katanya kubu mana sudah dilanggar. (r. 118)

Himpunan rangkap syair di atas dengan jelasnya memperlihatkan darjah kesediaan penduduk peribumi yang tinggi terutamanya suku Dayak untuk berjuang dalam peperangan Monterado. Keadaan tersebut selari dengan model etnosentrisme yang antara lainnya menyinggung tentang kesediaan untuk mempertahankan kepentingan kelompok dari ancaman luar. Oleh itu, sejurus sahaja titah perang dari Gusti Mukmin sebagai penguasa kerajaan Mempawah diberitakan oleh Pangeran Suta, orang Melayu dan Dayak yang mendiami kerajaan Mempawah lantas hadir di hadapan Pangeran Suta untuk mematuhi titah tersebut. Situasi tersebut seperti yang diceritakan oleh baris pertama dan kedua pada rangkap syair yang pertama dan keempat serta baris pertama pada rangkap syair yang ketiga iaitu “Melayu dan Dayak mendengar kata”, “Sangatlah suka di dalam

cinta”, “Melayu dan Dayak semuanya datang”, dan “Dayak datang kecil dan besar”, “Tanah Karangan semuanya gempar”.

Berdasarkan baris-baris syair yang dipetik, maka dapatlah dilihat betapa penuh dan tidak berbelah bahaginya sokongan yang diberikan oleh orang Dayak dan Melayu yang mendiami kerajaan Mempawah terhadap titah perintah yang disampaikan oleh Pangeran Suta untuk memerangi migran Cina sehinggakan Tanah Karangan dikatakan oleh pengarang seperti sedang berlaku kegemparan akibat kehadiran mereka selepas mendengar titah Gusti Mukmin yang disampaikan oleh Pangeran Suta itu. Dalam masa yang sama, darjah sokongan orang Melayu dan Dayak yang mendatangi Pangeran Suta itu juga bukan sekadar hanya sambil lewa dan suam-suam kuku sahaja kerana kehadiran mereka di hadapan Pangeran Suta tidak hanya datang dengan tangan kosong semata-mata.

Kesemua orang Melayu dan Dayak yang hadir pada waktu tersebut dikatakan oleh pengarang siap membawa peralatan senjata mereka sendiri yang sedia ada dimiliki bersama dengan diri mereka untuk digunakan dalam peperangan. Kesungguhan yang dipamerkan oleh penduduk peribumi yang begitu mengesankan tersebut boleh disoroti menerusi baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang ketiga iaitu “Masing-masing dengan senjatanya seorang”, “Beberapa terkul dengan senapang” dan “Tombak seperti bunga lalang”.

Ketiga-tiga baris syair yang dipetik itu mempamerkan betapa siap siaganya orang Melayu dan Dayak pada waktu itu untuk memerangi migran Cina bersama dengan Pangeran Suta sehinggakan kehadiran mereka di hadapan Pangeran Suta lengkap membawa peralatan perang yang dipunyai oleh mereka sendiri. Situasi ini juga menjelaskan bahawa penduduk peribumi tidak hanya bersedia dari segi fizikal sahaja malah turut bersedia dari segi logistik peperangan dengan membawa terkul, senapang dan juga tombak kepunyaan mereka sendiri untuk digunakan dalam peperangan tersebut. Bahkan, kesiapsiagaan penduduk peribumi itu jelas memancarkan betapa berkobarnya semangat juang mereka untuk memerangi migran Cina yang selama ini melakukan pelbagai kekejaman di Kalimantan Barat. Dari sudut yang lain pula, penduduk peribumi juga sepertinya tidak mahu menolak beban kepada kerajaan Mempawah sepenuhnya bagi membekalkan kelengkapan perang kepada mereka untuk digunakan dalam peperangan

Monterado terbabit. Oleh itu, penduduk peribumi berusaha mempersiapkan diri mereka dengan senjata kepunyaan mereka sendiri untuk memerangi migran Cina agar tidak menyulitkan institusi kerajaan tempatan membekalkan senjata kepada mereka.

Semangat yang ditonjolkan oleh penduduk peribumi tersebut lebih-lebih lagi oleh suku Dayak sendiri jelas menyerlahkan etnosentrisme mereka sewaktu melibatkan diri dalam peperangan Monterado. Demi membebaskan diri dan tanah air mereka dari terus dikuasai oleh migran Cina, suku Dayak baik yang kecil, besar, muda mahupun tua sepertinya tidak mahu ketinggalan seorang pun dari menyumbangkan tenaga mereka untuk memerangi migran Cina. Lebih mengagumkan lagi apabila kehadiran mereka di hadapan Pangeran Suta siap membawa peralatan perang sendiri dan keadaan tersebut jelas membuktikan betapa tingginya semangat juang suku Dayak yang ingin melanggar migran Cina. Semangat juang yang dipamerkan oleh rakyat kerajaan Mempawah khususnya suku Dayak seperti yang diperkata lewat rangkap-rangkap syair terbabit secara terang-terangan menyangkut etnosentrisme iaitu keinginan untuk mempertahankan hak dari diceroahi oleh kuasa asing. Dalam konteks perang Monterado tersebut, suku Dayak sudah semestinya ingin mempertahankan hak mereka dari terus dicabul oleh migran Cina.

KEPERCAYAAN

Setelah urusan pembahagian senjata diselesaikan, Pangeran Suta kemudiannya menyusun strategi peperangan terlebih dahulu sebelum memimpin angkatan mengorak langkah ke medan peperangan. Sewaktu penyusunan strategi ini dilakukan, setiap suku Dayak telah diberikan amanah penting oleh Pangeran Suta untuk dilaksanakan oleh mereka semasa meletusnya peperangan kelak. Kepercayaan yang diberikan oleh Pangeran Suta kepada setiap suku Dayak dalam percaturan strateginya itu jelas memanasikan ketokohan suku ini kerana penyerahan tanggungjawab tersebut sudah semestinya mengambil kira aspek kearifan dan kelebihan yang dipunyai oleh setiap suku Dayak yang terlibat.

Susunan strategi Pangeran Suta yang melibatkan suku Dayak seperti yang dimaksudkan itu disinggung oleh rangkap-rangkap syair seperti yang berikut:

Adapun akan Kadawok dan Parigi,
Itulah Dayak yang mahsyur berlari,
Ke Monterado suruhkan pergi,
Mana yang bertemu jangan ditanyakan lagi. (r. 133)

Dayak Mandor jua ke perintahkan,
Serta Balayuk dengan Dayak Baban,
Segenap Lawang rata-ratakan,
Jangan diberi dianya bertinggalan. (r. 134)

Adapun akan Dayak Pahung,
Serta dengan Dayak Garuntung,
Serta-septa segenap kampung,
Suruhkan ia melanggar Thai Kwung (r. 135)

Dayak Lumut serta Silu,
Jangan diberi bertalu-talu,
Semuanya ia suruhkan mengayau,
Cina Thai Kwung akan dikayau. (r. 136)

Adapun akan Dayak Sabahau,
Kampung Karang disuruh tunggu,
Cina jangan lepaskan lalu,
Mana yang bertemu bawa kepadaku. (r. 137)

Adapun jalan Lubuk Buyung,
Bahagian Dayak Ngabang dan Sapaking,
Batung Uhak tiada asing,
Serta periksa juga berkeliling. (r. 141)

Menerusi rangkap-rangkap syair tersebut, dapatlah dilihat amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Pangeran Suta kepada setiap suku Dayak di Mempawah dalam usaha mereka memerangi migran Cina. Hasil dari perbincangan strategi itu, Dayak Kadawok dan Parigi yang “Itulah Dayak yang mashyur berlari” diarahkan oleh Pangeran Suta supaya “Ke Monterado suruhkan pergi” seperti yang diperihalkan menerusi baris kedua dan ketiga pada rangkap syair yang pertama. Kelebihan berlari yang dimiliki oleh Dayak Kadawok dan Parigi telah memungkinkan mereka diarahkan oleh Pangeran Suta untuk segera bergerak menuju ke Monterado bagi membantu sekutu mereka iaitu Belanda yang sudah pun menuju ke Monterado untuk memerangi migran Cina. Ketangkasaan suku Dayak Kadawok dan Parigi tersebut dimanfaatkan oleh Pangeran Suta untuk menyegerakan bantuan ketenteraan kerana pergerakan dalam sebuah angkatan perang yang besar sudah tentu mengambil masa yang agak lama untuk sampai di Monterado.

Sementara itu, Dayak Mandor, Balayuk dan Baban pula diperintahkan oleh Pangeran Suta untuk “Segenap Lawang rata-ratakan”, “Jangan diberi dianya bertinggalan” seperti yang boleh dicermati menerusi baris ketiga dan keempat pada rangkap

syair yang kedua. Berdasarkan dua baris syair yang dipetik, dapatlah diketahui bahawa tiga suku Dayak iaitu Mandor, Balayuk dan Baban diberikan kepercayaan yang besar oleh Pangeran Suta untuk melakukan serangan di kawasan Lawang. Pangeran Suta dalam masa yang sama turut mengingatkan ketiga-tiga suku Dayak ini untuk meratakan atau dalam erti kata lain membinasakan kesemua migran Cina yang berada di kawasan Lawang tersebut tanpa menyisakan seorang pun.

Suku Dayak Pahung, Garuntung, Lumut dan Silu pada rangkap syair yang ketiga dan keempat pula turut diberikan kepercayaan yang begitu besar dari sosok yang sama iaitu untuk “Suruhkan ia melanggar Thai Kwung” dan “Semuanya ia suruhkan mengayau”, “Cina Thai Kwung akan dikayau” seperti yang dinukilkan oleh baris keempat pada rangkap syair yang ketiga serta baris ketiga dan keempat pada rangkap syair yang keempat. Tindakan Pangeran Suta yang menyerahkan tanggungjawab untuk memerangi dan mengayau Cina Thai Kwung kepada empat suku Dayak ini barangkali didorong oleh keperkasaan dan keberanian yang dimiliki oleh mereka. Keadaan tersebut demikian kerana Thai Kwung merupakan kongsi yang paling berpengaruh sekali di Kalimantan Barat yang bukan sahaja disebabkan oleh kekayaan yang dimilikinya bahkan juga kongsi ini turut mempunyai bilangan tentera yang teramai berbanding kongsi-kongsi lain yang bertapak di Kalimantan Barat. Oleh yang demikian, sudah semestinya bukan calang-calang suku Dayak yang boleh dicaturkan untuk berhadapan dengan kongsi Thai Kwung ini melainkan hanya suku Dayak yang benar-benar berani dan perkasa sahaja seperti suku Dayak Pahung, Garuntung, Lumut dan Silu agar buku dapat dipertemukan dengan ruas.

Bagi suku Dayak Sabahau pula, mereka diperintahkan untuk “Kampung Karang disuruh tunggu”, “Cina jangan lepaskan lalu”, “Mana yang bertemu bawa kepadaku” seperti yang boleh disoroti pada baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang kelima. Menerusi baris syair yang dipetik tersebut, suku Dayak Sabahau akan bertanggungjawab menunggu migran Cina di Kampung Karang semasa perang Monterado meletus. Sewaktu melaksanakan perintah tersebut, mereka diarahkan oleh Pangeran Suta agar tidak melepaskan satu pun dari migran Cina yang melalui kawasan tersebut untuk melarikan diri. Selanjutnya, migran Cina yang berjaya ditawan di Kampung Karang diarahkan untuk dibawa ke hadapan Pangeran Suta bagi tindakan selanjutnya. Tidak

ketinggalan juga dengan suku Dayak Ngabang dan Sapaking apabila mereka turut diberikan kepercayaan oleh Pangeran Suta untuk berjaga di dua buah kawasan seperti yang diperihalkan oleh baris pertama, ketiga dan keempat pada rangkap syair yang keenam iaitu “Adapun jalan Lubuk Buyung”, “Batung Uhak tiada asing”, “Serta periksa juga berkeliling”. Sementara suku Dayak yang lain diarahkan untuk berjaga di beberapa kawasan yang telah ditetapkan, suku Dayak Ngabang dan Sapaking pula diperintahkan untuk berkeliling dan melakukan pemeriksaan di jalan Lubuk Buyung dan Batuk Uhak. Percaturan Pangeran Suta yang meletakkan kedua-dua suku Dayak ini di dua kawasan itu adalah disebabkan oleh sifat mereka yang tidak asing lagi dengan dua tempat yang ditunjuki oleh Pangeran Suta tersebut. Kearifan suku Dayak Ngabang dan Sapaking terhadap dua kawasan itu sudah mestinya akan memudahkan lagi mereka untuk mengempur migran Cina di dua kawasan terbabit.

Kepatuhan suku Dayak dalam menerima dan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan tersebut secara terang-terangan menyangkut konsep dalam model etnosentrisme. Perkara tersebut demikian kerana suku Dayak tidak menyuarakan sebarang bantahan ketika diberikan tanggungjawab melainkan bersedia untuk melaksanakannya. Keakuran suku Dayak itu tidak hanya mempamerkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Pangeran Suta seperti yang disuguhkan dalam model etnosentrisme iaitu “hubungan kesetiakawanan dan kesetiaan dalam kumpulan” malah turut memberikan isyarat tentang kesanggupan dan kesiagaan suku Dayak untuk berjuang mempertahankan hak dari dicerobohi seperti yang turut disinggung oleh model etnosentrisme.

KEBERANIAN

Sejurus sahaja selesai menerima tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Pangeran Suta, kesemua suku Dayak yang terlibat dalam susunan strartegi itu sedikit pun tidak keberatan dengan tugas yang perlu mereka laksanakan. Bantahan juga sedikit pun tidak dilontarkan melainkan kesemuanya rela dan bersedia dengan setiap tugas yang perlu mereka galas demi menjayakan misi memerangi migran Cina. Lebih menarik lagi ialah apabila suku Dayak sendiri juga sepertinya

sudah tidak dapat lagi menahan diri mereka untuk segera melanggar migran Cina dalam peperangan Monterado yang bakal meletus. Ketidaksabaran suku Dayak tersebut membuktikan betapa tingginya iltizam suku Dayak yang dalam mempertahankan hak dan kepentingan kelompoknya dari terus dicerobohi sehingga menyerlahkan keberanian mereka yang ingin segera melanggar migran Cina.

Keberanian suku Dayak tersebut diperihalkan oleh pengarang menerusi rangkap syair yang berikut:

Adapun Dayak Baban Balayuk
Serta Parigi dengan Dayak Kadok
Katanya cukup melanggar Mentradok
Jikalau dilepas dialah mengamuk. (r. 173)

Adapun akan Dayak Pahung
Serta dengan Dayak Karantong
Hidup mati sebarang untung
Atasnya ia melawan Thai Kwung. (r. 174)

Tiada banyak madah disebut
Setiap-tiap Dayak tiada diam mulut
Melawan Cina tiadalah takut
Jikalau belum dianya mengikut. (r. 175)

Rangkap-rangkap syair yang dihimpunkan tersebut memberikan gambaran betapa beriltizam dan nekadnya suku Dayak di Kalimantan Barat untuk memerangi migran Cina. Bahkan, iltizam dan tekad mereka yang tinggi itu juga secara tidak langsung turut menjelmakan keberanian mereka untuk berhadapan dengan migran Cina sesuai dengan konotasi etnosentrisme sendiri. Keberanian suku Dayak yang terpamer lewat iltizam dan tekad mereka itu turut mempamerkan ketokohan suku Dayak yang tidak gentar berhadapan dengan musuh lebih-lebih lagi migran Cina yang memperlakukan mereka dengan begitu kejam sebelumnya.

Tekad dan iltizam mereka itu antara lainnya boleh dilihat menerusi Dayak Baban, Belayuk, Parigi dan Kadok yang menyatakan “Katanya cukup melanggar Mentradok”, “Jikalau dilepas dialah mengamuk” seperti yang boleh disoroti menerusi baris ketiga dan keempat pada rangkap syair yang pertama. Berdasarkan baris syair yang dipetik, keempat-empat suku Dayak tersebut mengatakan bahawa sudah cukup memadai sekiranya hanya empat suku itu sahaja yang bergabung tenaga untuk melanggar migran Cina di Monterado. Malah, sekiranya ada di antara migran Cina di Monterado yang berjaya lolos dari mereka maka keempat-empat suku Dayak ini akan mengamuk. Kenyataan dari keempat-empat suku Dayak itu tidak hanya

memperlihatkan amarah mereka terhadap migran Cina tetapi lebih jauh daripada itu keberanian suku Dayak sendiri juga turut dapat dilihat apabila keempat-empat suku menawarkan diri mereka untuk bergabung tenaga melanggar migran Cina di Monterado.

Tidak kurang hebatnya juga dengan suku Dayak Pahung dan Karantong yang memutuskan “Hidup mati sebarang untung”, “Atasnya ia melawan Thai Kwung” seperti yang dinukilkan oleh pengarang menerusi baris ketiga dan keempat pada rangkap syair yang kedua. Menerusi kedua-dua baris syair itu, keberanian suku Dayak Pahung dan Karantong jelas terlihat apabila mereka sanggup mengeneipkan soal hidup dan mati mereka dalam mengharungi peperangan terbabit. Kedua-dua suku Dayak ini sepertinya hanya ingin mededikasikan hidup mereka untuk memerangi migran Cina terutamanya kongsi Thai Kwung hingga ke titisan darah yang terakhir. Soal hidup dan mati dikesampingkan sama sekali oleh suku Dayak Pahung dan Karantong asalkan dapat melanggar migran Cina.

Begitu juga akan halnya dengan suku Dayak yang lain. Mereka dikatakan oleh pengarang “Setiap-tiap Dayak tiada diam mulut”, “Melawan Cina tiadalah takut” “Jikalau belum dianya mengikut” seperti yang boleh disoroti menerusi baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang ketiga. Keberanian suku Dayak yang sememangnya sudah pun masyhur jelas terpamer menerusi baris syair yang dipetik apabila suku Dayak menyatakan diri mereka sedikit pun tidak merasa takut untuk memerangi migran Cina dalam peperangan Monterado terbabit. Bahkan, sekiranya ada di antara suku Dayak ini yang masih lagi belum turut serta dalam peperangan tersebut maka mereka tidak akan teragak-agak untuk melibatkan diri bagi menyumbang tenaga untuk memerangi migran Cina dalam peperangan Monterado. Menerusi perbincangan yang dilakukan itu, maka dapatlah dicermati etnosentrisme suku Dayak yang diterjemahkan menerusi keberanian mereka untuk mempertahankan hak dan kepentingan sejajar dengan yang dimaksudkan dalam model etnosentrisme.

KEPAHLAWANAN

Apabila sampai pada masa dan ketikanya iaitu selepas kedua-dua belah pihak yang berkonflik selesai melakukan persiapan perang angkatan masing-masing, maka pecahlah peperangan

Monterado yang menyaksikan pertarungan hidup dan mati di antara angkatan perang bersekutu menentang angkatan perang migran Cina. Kedua-dua belah pihak saling mempertaruhkan kekuatan yang dimiliki sama ada untuk bertahan mahupun juga melancarkan serangan ke atas musuh masing-masing dalam peperangan tersebut. Suku Dayak sendiri yang berada di pihak angkatan perang bersekutu turut berjuang bermati-matian melawan migran Cina untuk mempertahankan hak dan kepentingan mereka yang dicabuli sebelum ini dalam peperangan Monterado terbabit. Kesungguhan yang dipamerkan oleh suku Dayak dalam peperangan Monterado itu secara tidak langsung telah menyuakan kepahlawanan suku Dayak ketika berhadapan dengan migran Cina.

Perihal tersebut antara lainnya boleh dicermati menerusi rangkap syair yang berikut:

Si Panas Tua Kadok yang garang
Diam di Cong Kadok Tembawang
Sekalian Cina Thai Kwung hendak diserang
Barang habarnya tidak dibuang. (r. 758)

Si Rentak Tua Kadok Ujung
Perintah perang semua dijunjung
Hendak melanggar Cina Thai Kwung
Cina yang mati kuncirnya dipotong. (r. 759)

Adapun Si Piang menantu Pak Malo
Pergi berperang ia selalu
Kepada Cina ia tak malu-malu
Mengerjakan perintah yakin terlalu. (r. 760)

Si Sangkan Si Somo sama beraninya
Kepada Dayak Kadok itulah penglapuknya
Sekalian pesisir turut melanggarnya
Banyaklah kuncir didapatnya. (r. 761)

Si Yali Si Kutur berani juga
Si Bulang Si Mango disertakan juga
Beraninya itu dengan seketika
Ia berperang sangatlah jaga. (r. 762)

Itu pun juga sangat berani
Membunuh Cina tiada dikasihani
Si Simpuk di Si Ngitik sama berani
Membunuh Cina tiada dikasihani (r. 763)

Di Dambung dan Si Badan sama setaranya
Kubu dan rumah dihamuknya
Beras padi Cina diangkutnya
Sekalian rumah dibakarnya. (r. 764)

Si Akar Dayak Tua Perigi Dayak Ujung
Kubu Cina Samalantan yang dikepong
Dayak yang banyak membunuh serta memotong
Kain baju dan kuncir muak untung. (r. 765)

Kutipan rangkap-rangkap syair tersebut

memberikan gambaran yang rinci berkenaan dengan kepahlawanan suku Dayak sewaktu menentang migran Cina bersama dengan rakan sekutunya dalam Perang Monterado. Jika dilihat kepada keseluruhan rangkap syair tersebut, kesemua suku Dayak yang terlibat dalam peperangan ini saling menunjukkan kesungguhan masing-masing dalam memerangi migran Cina berbekalkan keberanian mereka yang tinggi. Keadaan ini jelas menyangkut soal ketokohan suku Dayak itu sendiri yang tidak gerun sewaktu berhadapan dengan musuh sehingga memungkinkan mereka berjuang bermati-matian untuk menentang migran Cina.

Sosok seperti Si Panas dan Si Rentak umpamanya diceritakan oleh pengarang “Sekalian Cina Thai Kwung hendak diserang” dan “Perintah perang semua dijunjung”, “Hendak melanggar Cina Thai Kwung”, “Cina yang mati kuncirnya dipotong” seperti yang disuguhkan oleh baris ketiga pada rangkap syair yang pertama serta baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang kedua. Dari baris syair tersebut, Si Panas yang merupakan ketua suku Dayak Kadok yang terkenal dengan sifatnya yang garang diceritakan oleh pengarang telah bertindak menyerang kesemua migran Cina terutamanya kongsi Thai Kwung dalam peperangan Monterado tersebut. Tidak kurang hebatnya juga dengan Si Rentak yang sentiasa menjunjung perintah perang dengan melakukan perihal yang sama seperti Si Panas iaitu menyerang kongsi Thai Kwung dan memotong kuncir migran Cina yang berjaya dibunuh olehnya. Tindakan yang dilakukan oleh Si Panas dan Si Rentak ini sebenarnya tidak hanya memperlihatkan kepahlawanan mereka semata-mata malah sekiranya dilihat dari sudut yang lain ia turut mengangkat keperkasaan suku Dayak itu sendiri menerusi perantaraan kedua-dua sosok suku Dayak tersebut. Ini kerana, migran Cina yang diserang oleh Si Panas dan Si Rentak tersebut bukannya dari kalangan migran Cina biasa sebaliknya ia kumpulan kongsi migran Cina yang paling berpengaruh dan terkuat sekali di Kalimantan Barat.

Etnosentrisme suku Dayak ketika memerangi migran Cina dalam kemuncak konflik bersenjata ini turut terbias lewat beberapa individu suku Dayak yang lain. Antara lainnya ialah Si Piang yang merupakan menantu kepada Pak Malo diceritakan oleh pengarang “Pergi berperang ia selalu”, “Kepada Cina ia tak malu-malu” menerusi baris kedua dan ketiga pada rangkap syair yang ketiga. Berdasarkan dua baris syair itu, maka dapatlah diketahui bahawa Si Piang ini tidak pernah

ketinggalan dari melibatkan diri untuk turut serta dalam peperangan menentang migran Cina. Bahkan sewaktu memerangi migran Cina, Si Piang sendiri juga sudah tidak segan silu untuk membunuh migran Cina. Tindakan Si Piang ini jelas mengisyaratkan betapa suku Dayak sudah tidak lagi dapat menahan diri mereka dari membinasakan migran Cina tanpa belas kasihan.

Begitu juga dengan Si Sangkan dan Si Somo yang diperihalkan oleh baris ketiga dan keempat pada rangkap syair yang keempat melakukan “Sekalian pesisir turut melanggarnya”, “Banyaklah kuncir didapatnya”. Berbekalkan keberanian yang dimiliki, kedua-dua figuran suku Dayak yang disuguhkan oleh rangkap syair keempat itu diceritakan telah bertindak melakukan serangan ke atas migran Cina yang berada di kawasan pesisir. Akibat dari serangan yang dilakukan oleh kedua-duanya, maka ramailah dari migran Cina yang berdiam di kawasan tersebut menemui ajalnya dan kesemua kuncir migran Cina yang terkorban tersebut dipotong oleh Si Sangkan dan Si Somo. Jumlah migran. Jumlah migran Cina yang ramai tewas di tangan kedua-dua suku Dayak ini memperlihatkan betapa berani dan gagahnya suku Dayak itu sendiri sehingga ramai dari migran Cina yang gugur meskipun hanya digempur oleh hanya dua orang suku Dayak sahaja.

Semangat juang yang sama turut boleh disoroti menerusi suku Dayak yang lain seperti Si Yali, Si Kutur, Si Bulang dan Si Mango yang “Beraninya itu dengan seketika”, “Ia berperang sangatlah jaga” seperti yang disuguhkan oleh baris ketiga dan keempat pada rangkap syair yang kelima. Menerusi baris syair yang dipetik, keempat-empat figura suku Dayak tersebut diperihalkan oleh pengarang sangat berani dan begitu mengutamakan sikap berjaga-jaga sewaktu memenuhi tanggungjawab mereka memerangi migran Cina. Sikap mereka yang berjaga-jaga itu mempamerkan kematangan suku Dayak dalam berperang agar tidak mudah masuk ke dalam tipu muslihat migran Cina yang nantinya akan merugikan diri mereka sendiri. Pendekatan keempat-empat mereka ini yang berjaga-jaga dalam peperangan barangkali diambil menerusi pengalaman mereka memerangi migran Cina terdahulu dari perang Monterado terbabit.

Keberanian yang sama juga turut ada dalam diri Si Simpuk dan Si Ngituk seperti yang diperihalkan oleh baris pertama, kedua dan keempat pada rangkap syair yang keenam iaitu “Itu pun juga sangat berani”, “Membunuh Cina tiada dikasihani”, “Pergi

melanggar ke sana sini”. Keberanian dalam diri Si Sampuk dan Si Ngitik membuatkan kedua-dua mereka ini bertindak memerangi migran Cina tanpa menunjukkan belas kasihan walau sekelumit pun. Tidak cukup dengan itu, kedua-dua mereka ini juga tidak hanya menyerang migran Cina di satu tempat sahaja bahkan turut melakukan serangan ke atas migran Cina ditempat-tempat yang lain. Keadaan tersebut menggambarkan betapa membuaknya keinginan suku Dayak untuk membinasakan migran Cina sehingga memulakan serangan ke atas migran Cina dipelbagai tempat.

Lain pula akan perihalnya dengan Si Dambung dan Si Badan yang tidak hanya membunuh migran Cina dalam peperangan yang sama malah turut “Kubu dan rumah dihamuknya”, “Beras padi Cina diangkutnya”, “Sekalian rumah dibakarnya” seperti yang disinggung oleh baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang ketujuh. Dalam peperangan tersebut, Si Dambung dan Si Badan bertindak mengamuk kubu dan rumah migran Cina untuk membunuh migran Cina yang bersembunyi di situ. Dalam masa yang sama, kedua-dua mereka ini juga tidak melepaskan peluang untuk mengangkut beras dan padi kepunyaan migran Cina yang disimpan di kubu mahupun juga di rumah mereka. Kubu migran Cina yang kosong kemudiannya akan dibakar oleh kedua-duanya.

Sementara itu, Si Akar iaitu Tua Perigi Dayak Ujung dalam peperangan tersebut diceritakan melakukan “Kubu Cina Samalantan yang dikepung”, “Dayak yang banyak membunuh serta memotong”, “Kain baju dan kunci muak untung” seperti yang boleh dicermati melalui baris kedua hingga keempat pada rangkap syair yang kelapan. Sewaktu peperangan Monterado berlangsung, Si Akar membawa pasukannya melakukan pengepungan ke atas kubu migran Cina di Samalantan. Ekoran dari pengepungan yang dilakukan oleh suku Dayak tersebut, maka ramailah dari migran Cina yang berdiam di situ berjaya dibunuh oleh mereka sehingga Si Akar dan pasukannya berasa muak merampas kain baju migran Cina di samping kunci migran Cina yang dipotong setelah mereka terkorban. Menerusi perbincangan yang panjang terhadap kepahlawanan suku Dayak tersebut, maka dapatlah diketahui bahawa kepahlawanan suku Dayak itu didasari oleh etnosentrisme mereka yang ingin mempertahankan hak dan kepentingan dari terus dicerobohi oleh kuasa asing.

KESIMPULAN

Perang Monterado, klimaks konflik bersenjata di Kalimantan Barat. Kegagalan menyedarkan migran Cina menerusi nasihat dan teguran sebelumnya membuatkan Belanda mulai hilang kesabarannya terhadap migran Cina. Rentetan dari itu, Belanda sudah tidak lagi teragak-agak untuk mengubah pendiriannya dalam menghadapi migran Cina iaitu dari berlembut kepada menggunakan jalan kekerasan iaitu peperangan. Sementara itu, institusi kerajaan tempatan dan penduduk peribumi Kalimantan Barat yang turut terkesan akibat keserakahan migran Cina menyatakan kesediaan mereka untuk bersekutu dengan Belanda bagi memberikan pengajaran yang setimpal kepada migran Cina. Ini kerana, hanya menerusi jalan peperangan sahajalah yang dapat menghentikan keserakahan dan kekejaman migran Cina dari terus bermaharajalela.

Kesediaan penduduk peribumi khususnya suku Dayak untuk menyertai persekutuan menentang migran Cina mengisyaratkan bahawa wujudnya kesedaran dalam diri mereka untuk membebaskan diri dan tanah air dari terus dikuasai oleh migran Cina. Situasi tersebut sekali gus telah mempamerkan etnosentrisme suku Dayak dengan menumpahkan sepenuhnya semangat, usaha dan tenaga mereka dengan sebaik mungkin untuk memperkuat gabungan yang dibentuk bersama dengan Belanda dan juga institusi kerajaan tempatan dalam menentang migran Cina. Sepanjang peperangan Monterado berlangsung di Kalimantan Barat, etnosentrisme suku Dayak tercerna menerusi semangat yang ditonjolkan, tanggungjawab perang yang digalas dan keberanian serta kepahlawanan mereka.

RUJUKAN

- Any Rahmayani. 2015. Monterado 1818-1858: Dinamika Kota Tambang Emas. *PATANJALA* 7(2): 345-360.
- Arena Wati. 1989. *Syair Perang Cina di Monterado*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Benny G. Setiono. 2002. *Tiong Hua Dalam Pusaran Politik*. Jakarta: Elkasa.
- Burn, J. 1811. *Manuscripts on Pontianak*. t.tp.: t.pt.
- James, Jackson. 1970. *Chinese In the West Borneo Goldfields: A study In Cultural Geography*. England: University of Hull Publications.
- Carr, E.H. 1984. *Apakah Sejarah*. Terj. Abdul Rahman Hj. Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Coomans, Mikhail. 1987. *Manusia Daya Dahulu, Sekarang, Masa Depan*. Jakarta: PT Gramedia.
- Elok Feni Sia & Taufik Akbar Rizqi Yunanto. 2019. Pemaknaan dan konsekuensi Budaya Tato pada suku Dayak. *Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 15(2): 213-219.
- Hanapi Dollah. 1998. Cerita dari Kalimantan: Naratif Kolonial dan Lisan. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Tradisi Lisan Universitas Tanjungpura. Pontianak, November.
- Hari Poerwanto. 2005. *Orang Cina Khek Dari Singkawang*. Depok: Komunitas Bambu.
- Ho Hui Ling. 2022. Orang Dayak dan Gerakan Komunis di Sarawak, 1963–1990. *KEMANUSIAAN* 29(1): 117–143.
- Ida Bagus Putu Prajna Yogi. 2016. Lanskap pertambangan penambang Tiongkok di Monterado Kalimantan Barat: Pendekatan arkeologi sejarah. *Forum Arkeologi* 29(1): 1-10.
- Irwin, Graham. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julio Purba Kencana, Rapael, Adelbertus Beato Yulandi & Dionisius Barai. 2023. Filosofi ladang sebagai nyawa manusia Dayak. *Jurnal Budaya Fenestra*.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1993. Peperangan Melayu dalam tradisi pensejarahan Malaysia: Suatu telahan awal. Dlm. *Tamadun Melayu* Jil. 1, disunting oleh Ismail Hussein, Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi, 197-222. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Lutfan Hanifi. 2016. Ritual perang dalam kebudayaan suku Dayak. *Jurnal Kajian Kebudayaan* 11(2): 83-87.
- Muhammad Husni. 2020. Kearifan lokal handep masyarakat Dayak: Perspektif cendekiawan Muslim Dayak di IAIN Palangka Raya. *Jurnal Rihlah* 8(2): 113-133.
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. 2022. Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20. *Akademika* 92(3): 117-131.
- Shahidi A.H., Rahim Aman, Rozmi Ismail & Muhamad Syahmi Shabri. 2022. Pola pemikiran masyarakat kepulauan Malaysia berkaitan kebudayaan kebangsaan. *Akademika* 92(3): 211-223.
- Steven Alezender & Jacqueline Karimon. 2023. Imej suku Dayak di mata pengarang Melayu: Suatu penelitian ke atas naskhah syair Perang Cina di Monterado. *Journal of Borneo-Kalimantan* 9(1): 1-12.
- Sujarni Alloy, Albertus & Chatarina Pancer Istiyani. 2008. *Mozaik Dayak: Keberagaman Subsuku dan Bahasa Dayak di Kalimantan Barat*. Pontianak: Institut Dayakologi.
- Sumner, W. G. 1911. *Folkways: A Study of The Sociological Importance of Usages, Manners, Customs, Mores, and Morals*. Boston: Ginn & Company Publishers.
- Tjilik Riwut. 1979. *Kalimantan Membangun*. Kalimantan: Pelangka Raya.
- Zubir Idris. 2013. *Etnosentrisme Dalam Syair-Syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Steven Alezender (Penulis Korisponden)
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
mel: GS63579@student.upm.edu.my
- Jacqueline Karimon (Penulis Utama)
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)
Universiti Sains Malaysia
E-mel: Jacqueline@usm.my